

20/10/2001

PM jumpa Bush hari ini

SHANGHAI, Jumaat - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini tepat jam 12 tengah malam ini untuk menghadiri mesyuarat kesembilan ketua-ketua ekonomi Apec.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pudong di Shanghai.

Pagi esok, Perdana Menteri dijangka mengadakan pertemuan sulung bersama Presiden Mexico, Vicente Fox diikuti pertemuan bersama Presiden Russia, Vladimir Putin; Presiden Amerika Syarikat, George W Bush dan Presiden China, Jiang Zemin.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan menghadiri majlis makan tengah hari dengan pemimpin Asean yang dianjurkan oleh Sultan Brunei di Grand Hyatt Hotel.

Daripada perkumpulan 10 negara itu hanya Myanmar, Laos dan Kemboja yang bukan merupakan anggota Apec.

Perdana Menteri kemudian akan menyampaikan ucapan di Sidang Kemuncak CEO APEC 2001.

(END)